

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [ LENGGONG ]**

**TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)**

**SOALAN : Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:**

- a) kesan perubahan cuaca dan bencana banjir terhadap pengeluaran makanan negara; dan
- b) kesan dan sambutan pengguna terhadap usaha menurunkan harga barangan melalui pasar tani.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

a. Kesan Perubahan Iklim dan Bencana Banjir Terhadap Pengeluaran Makanan Negara

Perubahan iklim dunia sememangnya akan mempengaruhi kadar produktiviti pengeluaran agromakanan. Kesan bagi subsektor tanaman seperti padi dan ternakan adalah seperti berikut:

- i. Bagi tanaman padi, produktiviti bergantung kepada perubahan suhu dan taburan hujan. Secara umumnya, suhu yang sesuai bagi tanaman padi adalah antara 24°C (minimum) hingga 34°C

(optimum), sementara taburan hujan yang minimum adalah tidak kurang daripada 2000 mm setahun.

Kajian awal menunjukkan bahawa peningkatan suhu sebanyak 1°C melebihi suhu optimum berkemungkinan akan merendahkan kadar penghasilan padi sekitar 9-10% akibat kesan terhadap aktiviti fisiologi tanaman tersebut terutama ketika fasa pembungaan dan pembijian; dan

- ii. Bagi sektor ternakan pula, perubahan iklim boleh mengakibatkan kesihatan ternakan terjejas disebabkan oleh masalah seperti keletihan, pernafasan dan peningkatan penyakit jantung seterusnya akan menurunkan kadar produktiviti ternakan tersebut.

b. Kesan dan Sambutan Pengguna Terhadap Usaha Menurunkan Harga Barangan Melalui Pasar Tani

Program Pasar Tani dibangunkan sebagai satu saluran pemasaran alternatif kepada petani untuk memasarkan hasil pertanian mereka secara terus kepada pengguna. Dalam hal ini, Pasar Tani menawarkan pilihan yang lebih baik kepada pengguna untuk berbelanja berbanding di pasar-pasar, pasaraya, pasaraya besar dan kedai runcit. Selain daripada harga yang berpatutan, barangan seperti ayam, daging, ikan, sayur, produk asas tani serta produk makanan yang ditawarkan di Pasar Tani adalah jauh lebih segar dan berkualiti.

Dengan pelaksanaan program Jualan Turun Harga yang diperkenalkan oleh Kementerian melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Pasar Tani, sambutan yang diterima adalah amat menggalakkan. Maklum balas yang diterima mendapati bilangan pengunjung Pasar Tani telah meningkat sebanyak 10% hingga 20 % daripada bilangan pengunjung sedia

ada. Nilai jualan terutama pada hari minggu dan hari kelepasan am juga telah mencatatkan peningkatan dengan purata nilai jualan bagi komoditi utama di Pasar Tani meningkat sebanyak 13%.

Program ini telah dapat memberi penjimatan kepada pengguna yang berbelanja di Pasar Tani dengan anggaran penjimatan sebanyak RM139 juta setahun selain mendorong peruncit lain untuk mengurangkan harga barangan jualan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[RANTAU PANJANG]**

**TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)**

**SOALAN : 18**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah usaha-usaha pemulihan terhadap perjalanan kereta api ke Pantai Timur dan pembelaan terhadap nasib pekerja KTM di Pantai Timur.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kejadian banjir besar yang melanda kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia pada penghujung Disember 2014 telah menyebabkan perkhidmatan keretapi bagi sektor Pantai Timur, Seksyen Gua Musang – Tumpat lumpuh sepenuhnya. Ini kerana kerosakan teruk yang dialami pada infrastruktur landasan dan stesen, sistem semboyan serta komunikasi KTMB di sektor tersebut kesan daripada banjir tersebut. Pada masa sekarang, perkhidmatan keretapi di Sektor Pantai Timur digantung sepenuhnya sehingga kerja-kerja pemulihan selesai dilaksanakan. Penggantungan ini melibatkan lapan (8) perkhidmatan keretapi antarabandar iaitu empat (4) perkhidmatan tempatan (Tumpat – Gua Musang – Tumpat) dan empat (4) perkhidmatan ekspres (Kuala Lumpur - Tumpat – Kuala Lumpur, Woodlands – Tumpat – Woodlands).

KTMB menganggarkan jumlah kerugian bagi kerosakan infrastruktur dan stokereta akibat banjir tersebut sebanyak RM290.7 juta.

Jangkaan tempoh yang diperlukan bagi kerja-kerja pemulihan kerosakan tersebut adalah seperti di Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1: Anggaran tempoh pemulihan**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TEMPOH KERJA</b>
1	<b>Landasan</b>	8 – 12 bulan
2	<b>Semboyan &amp; Komunikasi</b>	4 – 8 bulan
3	<b>Stokereta</b>	12 – 24 bulan
4	<b>Fasiliti</b> (Stesen, Hentian, Kuarters, Depoh, Bengkel)	6 – 24 bulan
5	<b>Kelengkapan lain</b> (Peralatan pejabat, peralatan komputer, kenderaan)	2 bulan

Jangkaan tempoh kerja-kerja pemulihan ini tidak termasuk tempoh yang diperlukan bagi proses perolehan termasuk Pengurusan Nilai, tender dan pelantikan kontraktor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bencana banjir dari sektor Kuala Lipis – Tumpat memberi kesan besar kepada sebahagian besar kakitangan di mana kediaman kakitangan KTMB serta kelengkapan kediaman seperti makanan, pakaian, peralatan rumah dan kenderaan mengalami kerosakan. Walau bagaimanapun bencana banjir ini tidak memberi kesan besar kepada kakitangan KTMB yang berada di sektor Gemas – Kuala Lipis.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh KTMB dalam menjaga kebajikan kakitangan terutamanya di sektor Kuala Lipis – Tumpat adalah seperti berikut:

- i. Pemberian bantuan kewangan segera oleh syarikat sebanyak RM500 bagi setiap kakitangan yang terlibat bencana banjir ini.
- ii. Pemberian bantuan kewangan di antara RM300 hingga RM2,000 setiap kakitangan dari Tabung Kebajikan Kakitangan KTMB. Amaun yang diterima adalah berdasarkan tahap kemusnahan/kerosakan peralatan rumah, pakaian dan sebagainya serta berdasarkan keperluan oleh setiap kakitangan.
- iii. Membayar wang ex-gratia sebanyak RM500 atau minimum sebulan gaji bagi meringankan beban kakitangan.
- iv. Melancarkan tabung derma di beberapa stesen KTMB terpilih di Lembah Kelang dan juga melancarkan kutipan derma wang dan barang keperluan yang diperolehi daripada penumpang, kakitangan KTMB di seluruh rangkaian bagi menyediakan bekalan air minuman, makanan, pakaian dan peralatan memasak kepada kakitangan KTMB yang terlibat dengan banjir.
- v. Menugaskan kakitangan KTMB yang juga anggota Rejimen Pakar Pengendalian Keretapi ke-50 (Rejimen Askar Jurutera Diraja) bagi membantu menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada kakitangan yang terlibat dengan banjir. Kakitangan Rejimen ini juga membantu kakitangan KTMB untuk

membersihkan rumah kediaman dan kuarters kakitangan daripada lumpur dan kekotoran.

- vi. Menubuhkan Bilik Gerakan Banjir di Pejabat Wilayah Timur di Kuala Krai bagi memantau keadaan kebajikan kakitangan serta kuarters yang didiami kakitangan di sektor Pantai Timur (Gemas – Tumpat) di samping memantau keseluruhan aktiviti di ini.

Pada masa ini, kakitangan KTMB di sektor Pantai Timur (Gemas – Tumpat) masih terus bekerja dengan menjalankan aktiviti pemulihan, pembaikan dan penyelenggaraan infrastruktur dan stokereta di bawah kawalan penyelia masing-masing serta dipantau oleh Ibupejabat KTMB.